

## AMALAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KELAS PENGAJIAN FARDU AIN KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI NEGERI MELAKA: ANALISIS PERSEPSI PELAJAR TERHADAP SIKAP DAN KEPERIBADIAN GURU

*Teaching and learning practices of fardu ain classes among the orang asli community in Melaka: An analysis of students' perceptions of teachers' attitudes and personality*

\*Zulkefli Aini<sup>1</sup>, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>2</sup>, Abdul Ghafar Don<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Pusat Kajian Etnik Orang Asli  
Universiti Islam Selangor  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [zulaini@ukm.edu.my](mailto:zulaini@ukm.edu.my)

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
30-Mar-2026	27-Apr-2026	14-Jun-2026	30-Jun-2026

### Abstrak

Pendidikan Fardu Ain dalam komuniti Orang Asli Muslim sering berdepan cabaran perbezaan budaya dan pendekatan pedagogi arus perdana yang kurang sensitif terhadap realiti pribumi. Keberkesanan program ini amat bergantung kepada kualiti interpersonal guru yang mengendalikan kelas. Sehubungan itu, kajian tinjauan kuantitatif ini bertujuan untuk menganalisis tahap amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) kelas pengajian Fardu Ain dalam komuniti Orang Asli Muslim di Negeri Melaka berdasarkan perspektif pelajar terhadap dimensi sikap dan keperibadian guru. Seramai 132 orang responden dari daerah Alor Gajah dan Jasin dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik berstruktur skala Likert tiga mata dan dianalisis secara deskriptif (skor min dan sisihan piawai) melalui perisian SPSS. Hasil kajian menunjukkan pelajar mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap guru, dengan skor min keseluruhan berada pada tahap tinggi ( $M = 2.94$ ,  $SP = 0.24$ ). Sikap guru yang sabar, ceria, dan mesra mencatatkan skor tertinggi. Penemuan ini membuktikan hubungan interpersonal yang positif dan konsep uswah hasanah adalah pemandu utama pengalaman pembelajaran agama masyarakat pribumi. Kajian ini menekankan keperluan pendekatan pedagogi responsif budaya bagi memperkukuh pendidikan Fardu Ain dalam kalangan Masyarakat orang Asli muslim.

**Kata kunci:** Pendidikan Fardu Ain; Masyarakat Orang Asli; Sikap dan keperibadian guru; Persepsi pelajar; Pedagogi responsif budaya

### Abstract

Fardu Ain education within the Muslim Orang Asli community frequently faces hurdles due to cultural disparities and mainstream pedagogical approaches that lack sensitivity toward indigenous realities. The success of these educational programs hinges heavily on the interpersonal qualities of the teachers leading the classrooms. Consequently, this quantitative survey-based study aims to analyze the state of teaching and learning practices in Fardu Ain classes among the Muslim Orang Asli community in Melaka, specifically examining students' perspectives on

*the attitudes and personalities of their teachers. A sample of 132 respondents from the Alor Gajah and Jasin districts was selected using simple random sampling. Data were gathered through a structured questionnaire utilizing a three-point Likert scale and analyzed descriptively (mean scores and standard deviation) via SPSS software. The findings indicate that students hold highly positive perceptions of their teachers, with the overall mean score reaching a high level ( $M = 2.94$ ,  $SD = 0.24$ ). Instructors' patience, cheerfulness, and approachability recorded the highest scores. These outcomes demonstrate that positive interpersonal relationships and the implementation of *uswah hasanah* (exemplary character) serve as key drivers in shaping the religious learning experiences of indigenous communities. Ultimately, this study underscores the critical need for culturally responsive pedagogy to strengthen Fardu Ain education among the Muslim Orang Asli community.*

**Keywords:** Fardu Ain education; Orang Asli community; Teacher attitudes and personality; Student perceptions; Culturally responsive pedagogy

## 1.0 PENGENALAN

Pendidikan agama Islam memainkan peranan asas dalam membentuk identiti spiritual, nilai moral serta kestabilan sosial dalam kalangan masyarakat Muslim. Di Malaysia, pendidikan Islam lazimnya dilaksanakan melalui sistem pendidikan formal dan tidak formal yang menekankan asas-asas Fardu Ain, termasuk aspek akidah, ibadah dan pembentukan akhlak. Walau bagaimanapun, pendekatan pendidikan arus perdana tidak semestinya sepenuhnya sesuai dengan komuniti minoriti seperti masyarakat Orang Asli yang memiliki bahasa, tradisi budaya serta sistem pengetahuan pribumi yang tersendiri (Wan Nor Hana et al., 2024; Mohamad Safwat et al., 2020). Komuniti Orang Asli di Negeri Melaka merupakan salah satu kumpulan pribumi yang unik, di mana pengalaman pendidikan mereka dipengaruhi oleh tradisi warisan yang berpanjangan serta cabaran sosioekonomi kontemporari. Dalam konteks ini, kelas pengajian Fardu Ain berfungsi sebagai platform penting untuk menyampaikan ajaran Islam dan nilai moral, di samping menyokong proses integrasi sosial serta pemeliharaan identiti budaya. Proses Islamisasi dalam komuniti Orang Asli sering berlaku melalui interaksi sosial, perkahwinan campur serta inisiatif kebajikan yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak (Ahmad Fauzi et al., 2017).

Namun demikian, unsur kepercayaan tradisional dan amalan animisme masih mempengaruhi sebahagian kehidupan beragama dalam komuniti tersebut, yang menunjukkan bahawa proses pemeluk Islam tidak semestinya disertai dengan pemahaman yang mendalam terhadap ajaran Islam (Juma'at, 2017; Wan Nor Hana et al., 2024). Sehubungan itu, pelbagai inisiatif pendidikan agama seperti kelas Fardu Ain dan program pengajian al-Quran yang dianjurkan oleh agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan telah diperkenalkan bagi memperkukuhkan kefahaman agama dalam kalangan komuniti ini. Walaupun demikian, beberapa kajian melaporkan bahawa program-program tersebut masih belum memberikan kesan yang konsisten terhadap tahap pemahaman masyarakat terhadap aspek akidah, ibadah dan nilai akhlak Islam (Abdul Ghafar, 2025; Ahmad Nawawi et al., 2023; Sobariah & Rashidi, 2021; Aini et al., 2019). Keadaan ini menunjukkan keperluan kepada pendekatan pendidikan Islam yang lebih kontekstual, yang bukan sekadar meniru kurikulum arus perdana, tetapi turut mengintegrasikan strategi pengajaran yang sensitif terhadap realiti sosio-budaya komuniti Orang Asli (Siti Raudah et al., 2024).

Dalam landskap pendidikan ini, keberkesanan kelas pengajian Fardu Ain banyak dipengaruhi oleh sikap, kualiti interpersonal serta keperibadian guru yang memfasilitasi proses pembelajaran. Guru yang berkhidmat dalam komuniti Orang Asli

sering berhadapan dengan cabaran yang kompleks, termasuk merapatkan jurang perbezaan budaya, menangani halangan bahasa serta menyesuaikan pendekatan pedagogi dengan kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar. Kajian terdahulu secara konsisten menunjukkan bahawa ciri-ciri guru seperti empati, kesabaran, komitmen dan keterbukaan memainkan peranan penting dalam membentuk penglibatan pelajar, motivasi pembelajaran serta pencapaian akademik (Ulug et al., 2011; Kim et al., 2018; Kalkan et al., 2022). Hubungan guru-pelajar yang positif, yang dicirikan oleh sokongan, rasa hormat dan komunikasi yang berkesan, turut menyumbang secara signifikan kepada pembentukan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Dalam konteks kepelbagaian budaya seperti komuniti Orang Asli, pendekatan pengajaran yang responsif terhadap budaya menjadi semakin penting. Pendekatan ini melibatkan integrasi bahasa pribumi, naratif komuniti serta pengalaman hidup masyarakat setempat dalam proses pembelajaran bagi memastikan kandungan pendidikan kekal relevan dan mudah diakses oleh pelajar (Alias et al., 2011; Abdullah, 2018; Ab Manaf et al., 2019; Abdullah et al., 2021). Selain itu, kerjasama dengan pihak berkepentingan komuniti seperti ibu bapa dan pemimpin tempatan turut memperkukuhkan kerangka pendidikan serta meningkatkan kesesuaian budaya dalam pengajaran agama. Walau bagaimanapun, banyak pendekatan pengajaran yang sedia ada masih mencerminkan model pengajaran yang bersifat seragam atau one-size-fits-all, yang tidak sepenuhnya mengambil kira keperluan budaya dan pendidikan yang unik dalam kalangan pelajar Orang Asli. Rentetan itu, landskap pendidikan semasa mula menekankan keperluan terhadap pendekatan yang lebih holistik dan inovatif. Ini termasuklah pengenalan model pembelajaran alternatif seperti pendidikan berasaskan komuniti, pembelajaran di rumah, serta pemanfaatan teknologi pendidikan yang mampu menyesuaikan diri dengan realiti pembelajaran masyarakat pribumi (Berrezueta et al., 2023). Oleh yang demikian, meneliti persepsi pelajar terhadap sikap dan keperibadian guru menjadi penting bagi memahami dinamika proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas Fardu Ain, di samping mengenal pasti strategi yang berpotensi meningkatkan keberkesanan pendidikan dalam konteks sosio-budaya komuniti Orang Asli yang unik ini.

## 2.0 SOROTAN LITERATUR

Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia terdiri daripada pelbagai kelompok pribumi yang memiliki bahasa, budaya dan struktur sosial yang unik. Namun, secara sejarahnya, komuniti ini sering berhadapan dengan marginalisasi sosioekonomi yang memberi kesan langsung terhadap peluang pendidikan dan pencapaian pembelajaran mereka. Kajian empirikal menunjukkan wujudnya ketidaksamaan struktur dalam sistem pendidikan, termasuk akses terhadap pendidikan berkualiti, kadar keciciran yang tinggi serta penyertaan yang rendah dalam pendidikan menengah dan pengajian tinggi (Alias et al., 2011; Abdullah et al., 2013; Renganathan, 2022). Keadaan ini sering dikaitkan dengan ketidakpadanan antara pendekatan pendidikan arus perdana dengan realiti budaya serta pengalaman pembelajaran masyarakat Orang Asli. Kajian-kajian terdahulu (seperti Alias et al., 2011; Abdullah et al., 2013) membuktikan bahawa model pendidikan konvensional yang berasaskan kurikulum seragam kurang mengambil kira konteks sosio-budaya dan gaya pembelajaran komuniti ini. Dapatan ini turut disokong oleh Renganathan (2022) yang menegaskan perlunya penilaian semula terhadap representasi masalah dalam sistem pendidikan pribumi.

Dalam kerangka tersebut, pendidikan Fardu Ain memainkan peranan penting sebagai medium pengukuhan kefahaman agama dan pembinaan identiti Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam. Program ini lazimnya dilaksanakan melalui kerjasama antara agensi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) serta institusi komuniti, bukan sahaja untuk menyampaikan ilmu asas agama, tetapi juga membentuk nilai moral dan memperkukuh hubungan sosial komuniti. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya sering berdepan cabaran seperti kekangan kurikulum yang rigid, tahap penyesuaian budaya yang rendah serta isu kesiapsiagaan guru. Oleh itu, pendekatan pendidikan yang lebih kontekstual dan fleksibel dicadangkan, termasuk pembelajaran berasaskan komuniti dan pendidikan berorientasikan rumah yang mampu mengintegrasikan nilai agama dengan budaya setempat (Rahman et al., 2021; Ab Manaf et al., 2021; Ong et al., 2018). Selain itu, sokongan daripada keluarga dan komuniti turut dikenal pasti sebagai faktor penting dalam meningkatkan keberkesanan pendidikan (Ab Manaf et al., 2019).

Walaupun faktor struktur dan konteks memainkan peranan penting, literatur juga menekankan kepentingan peranan guru sebagai agen utama dalam mempengaruhi pengalaman pembelajaran pelajar. Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura (1986) menjelaskan bahawa pelajar memperoleh pengetahuan, sikap dan tingkah laku melalui pemerhatian terhadap model sosial seperti guru. Dalam bilik darjah, guru bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi turut membentuk orientasi pembelajaran dan sistem nilai pelajar. Kajian empirikal menunjukkan bahawa hubungan positif antara guru dan pelajar memberi kesan signifikan terhadap penglibatan akademik, kesejahteraan psikologi serta pencapaian pembelajaran (Roorda et al., 2011; Liu et al., 2022; Wentzel, 2022). Pelajar yang melihat guru sebagai individu yang menyokong dan menghormati mereka cenderung menunjukkan sikap pembelajaran yang lebih positif.

Dalam konteks pendidikan Islam, pengaruh keperibadian dan sikap guru menjadi lebih signifikan melalui konsep *uswah hasanah*, iaitu guru sebagai model teladan dalam pembentukan akhlak pelajar. Halstead (2004) menegaskan bahawa pendidikan Islam melibatkan pembentukan akhlak melalui teladan guru, bukan sekadar pemindahan ilmu. Seiring dengan itu, Sahin (2018) menekankan keperluan integrasi dimensi spiritual, moral dan sosial dalam pedagogi Islam. Kajian empirikal menunjukkan bahawa guru yang menunjukkan empati, kesabaran dan sokongan interpersonal mampu meningkatkan internalisasi nilai agama serta pembentukan identiti Islam pelajar (Salleh et al., 2021; Jusof & Samaeng, 2025). Hal ini amat penting dalam konteks komuniti Orang Asli yang berhadapan dengan pelbagai cabaran sosio-budaya, di mana kepekaan budaya dan keperibadian positif guru dapat meningkatkan kepercayaan dan motivasi pelajar.

Seiring dengan itu, pendekatan pedagogi responsif budaya semakin diberi penekanan dalam pendidikan komuniti pribumi. Pendekatan ini menekankan integrasi latar budaya, pengalaman hidup serta sistem pengetahuan komuniti dalam amalan pengajaran. Kajian menunjukkan bahawa penggabungan elemen budaya seperti penceritaan, pembelajaran berasaskan komuniti serta pendidikan berasaskan tempat mampu meningkatkan penglibatan pelajar dan mengukuhkan identiti budaya mereka (Borham et al., 2024; Wahab et al., 2020; Niure et al., 2026; Tariq, 2025; Burgess & Evans, 2019). Walau bagaimanapun, pelaksanaan pendekatan ini masih berdepan cabaran seperti kekurangan latihan guru, kekangan kurikulum serta keterbatasan sumber pengajaran (Borham et al., 2024; Patel et al., 2026; Mulenga et al., 2025; Juma & Rutsate, 2024). Dalam hal ini, penglibatan komuniti seperti ibu bapa dan pemimpin tempatan terbukti dapat meningkatkan keberkesanan pendidikan

melalui pendekatan kolaboratif (Che Ismail & Abdul Rahman, 2025; Chin et al., 2026; Abdullah et al., 2023).

Rumusannya, penelitian terhadap literatur sedia ada mendedahkan satu jurang kajian yang ketara dalam konteks pelaksanaan kurikulum Fardu Ain bagi komuniti Orang Asli. Kelemahan utama dalam landskap penyelidikan semasa adalah kecenderungan untuk memisahkan antara tuntutan teologi pendidikan Islam dengan realiti sosiolinguistik serta sensitiviti budaya masyarakat pribumi. Di samping itu, peranan guru sebagai model sosial luaran yang mencorakkan motivasi pelajar minoriti didapati masih kurang dinilai secara empirikal dalam kelas fardu ain tidak formal. Sehubungan dengan itu, penilaian terhadap aspek sikap dan keperibadian guru bukan lagi sekadar satu keperluan penambahbaikan, malah merupakan perkara penting untuk memahami ekosistem pembelajaran Orang Asli yang beragama Islam. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti persepsi pelajar terhadap sikap dan keperibadian guru dalam kelas Fardu Ain, bagi memahami bagaimana faktor tersebut mempengaruhi pengalaman pembelajaran dalam konteks komuniti pribumi.


### 3.0 KERANGKA TEORI DAN KONSEP

Kajian ini berlandaskan Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Bandura (1986), yang menegaskan bahawa pembelajaran berlaku melalui proses pemerhatian, peniruan dan interaksi sosial. Dalam konteks pendidikan, guru berfungsi bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, tetapi juga sebagai model sosial yang mempengaruhi pembentukan sikap, nilai dan tingkah laku pelajar. Proses pembelajaran melalui pemerhatian melibatkan beberapa komponen kognitif seperti perhatian, penyimpanan maklumat, reproduksi tingkah laku dan motivasi, yang menentukan sejauh mana pelajar menginternalisasikan tingkah laku yang diperhatikan. Oleh itu, guru yang menunjukkan ciri positif seperti empati, kesabaran dan sokongan emosi berupaya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif serta meningkatkan penglibatan pelajar. Kajian empirikal turut menyokong bahawa tingkah laku interpersonal dan personaliti guru memberi kesan signifikan terhadap motivasi dan pencapaian pelajar (Ulug et al., 2011; Kim et al., 2018; Kalkan et al., 2022).

Dalam konteks pendidikan Islam, peranan ini diperkukuhkan melalui konsep *uswah hasanah*, yang menekankan guru sebagai teladan dalam pembentukan akhlak dan kesedaran spiritual pelajar. Pengajaran agama yang berkesan tidak hanya melibatkan penyampaian ilmu, tetapi juga pembinaan nilai melalui keperibadian dan amalan pedagogi guru (Ab. Halim & Ajuhary, 2010; Ab. Halim, 2012). Di samping itu, pendekatan pedagogi responsif budaya (*culturally responsive pedagogy*) yang dipelopori oleh Gloria Ladson-Billings (1995) serta dikembangkan oleh Gay (2018) turut diberi perhatian, khususnya dalam konteks masyarakat Orang Asli (Shahrul & Abdul., 2024; Harun et al., 2020; Rosnon & Talib, 2019). Gagasan asal Ladson-Billings (1995) menekankan bahawa keberkesanan pendidikan komuniti minoriti amat bergantung kepada keupayaan guru untuk menyesuaikan pengajaran dengan latar belakang budaya, pengalaman hidup, dan acuan sosiolinguistik pelajar bagi mewujudkan ekosistem pembelajaran yang lebih inklusif dan bermakna (Ladson-Billings, 1995; Gay, 2018).

Bagi memberikan gambaran yang lebih holistik dan berstruktur, keseluruhan integrasi teori dan konsep yang mendasari kajian ini diringkaskan menerusi Rajah 1. Secara visualnya, kerangka teori ini digerakkan melalui tiga fasa utama, iaitu landasan teori (input), proses (pemboleh ubah) dan hasil (output). Fasa pertama

(landasan teori dan konsep) menggabungkan Teori Pembelajaran Sosial Bandura, konsep uswah hasanah, dan pedagogi responsif budaya sebagai asas teoretikal kajian. Hubungan ini kemudiannya disalurkan ke fasa kedua (proses / pemboleh ubah kajian) yang menterjemahkan peranan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) sebagai model sosial ke dalam enam dimensi sikap dan keperibadian guru yang dinilai di dalam bilik darjah. Akhir sekali, interaksi antara landasan teori dan amalan keperibadian guru ini dijangka membuahkkan fasa ketiga (hasil / output), iaitu pembentukan persepsi positif Orang Asli yang mengikuti pdp kelas Fardu Ain pada tahap skor min yang tinggi serta pewujudan pengalaman pembelajaran agama yang kondusif dan inklusif bagi komuniti pribumi tersebut.



Rajah 1: Kerangka Teori dan Konsep  
Sumber: Diubah suai daripada Bandura, 1986; Ab. Halim, 2012; dan Ladson-Billings, 1995

#### 4.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan deskriptif bagi meneliti amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) kelas pengajian Fardu Ain dalam kalangan masyarakat Orang Asli Muslim di Negeri Melaka, khususnya di daerah Alor Gajah dan Jasin. Fokus utama reka bentuk ini adalah untuk menilai persepsi pelajar terhadap sikap dan keperibadian guru yang mengendalikan kelas tersebut. Reka bentuk tinjauan deskriptif dipilih kerana kajian bertujuan mendapatkan gambaran umum tentang tahap amalan PdP berdasarkan pengalaman sebenar responden, tanpa melibatkan pengujian hubungan sebab-akibat atau manipulasi pemboleh ubah. Unit analisis kajian ini ialah individu.

Populasi kajian terdiri daripada peserta masyarakat Orang Asli Muslim yang mengikuti kelas Fardu Ain melalui program bimbingan anjuran Penggerak

Masyarakat Orang Asli (PMOA) lantikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Berdasarkan populasi tersebut, seramai 132 orang responden dipilih sebagai sampel kajian melalui kaedah persampelan rawak mudah bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Pemilihan masyarakat Orang Asli Muslim di daerah Alor Gajah dan Jasin Melaka sebagai lokasi dan sampel kajian adalah bersandarkan justifikasi bahawa kedua-dua daerah ini menempatkan kepadatan komuniti muafat pribumi yang paling aktif mengikuti program bimbingan keagamaan berstruktur di bawah seliaan JAKIM (Mohd Shokori, komunikasi peribadi, 10 Mei 2025). Selain itu, sampel ini memenuhi kriteria inklusi penyelidikan yang ketat, iaitu responden merupakan peserta rasmi kelas Fardu Ain yang mempunyai interaksi bersemuka dan konsisten bersama PMOA yang bertindak sebagai guru agama mereka. Justifikasi ini amat penting bagi menjamin data yang diperoleh bersifat sah, berautoriti, dan benar-benar menggambarkan pengalaman langsung responden terhadap kualiti interpersonal guru di lapangan.

Data kajian dikumpulkan menggunakan instrumen soal selidik berstruktur yang dibangunkan berasaskan sorotan literatur berkaitan pendidikan Islam, pedagogi dakwah luar bandar, serta acuan sosiolinguistik komuniti pribumi. Instrumen ini merangkumi konstruk yang menilai aspek sikap dan keperibadian guru, termasuk elemen kesabaran, kemesraan, kesungguhan mengajar, ketepatan masa, serta kaedah guru memberikan bimbingan dan menegur kesalahan pelajar. Bagi memastikan keabsahan, kesahan kandungan (content validity) soal selidik telah disemak dan disahkan oleh panel pakar yang terdiri daripada dua orang ahli akademik dalam bidang dakwah Orang Asli dan pendidikan Islam, serta seorang pegawai kanan dari Bahagian Dakwah JAKIM. Proses penyederhanaan bahasa turut dilaksanakan menerusi sumbang saran bersama PMOA bagi memastikan setiap istilah dan struktur ayat disesuaikan dengan tahap literasi serta kefahaman masyarakat Orang Asli. Seterusnya, skala Likert tiga mata digunakan, iaitu 1 (Tidak Setuju), 2 (Kurang Setuju), dan 3 (Setuju). Penggunaan skala tiga mata ini adalah bertujuan mengurangkan beban kognitif serta memudahkan responden yang mempunyai latar belakang pendidikan formal yang berbeza untuk memahami dan menjawab setiap item dengan tepat.

Pengumpulan data dilaksanakan secara bersemuka dengan bantuan dan pemantauan PMOA yang mengendalikan kelas di kampung Orang Asli terbabit. Pendekatan bersemuka ini diambil bagi membolehkan penyelidik memberikan penjelasan langsung sekiranya terdapat kekeliruan item, sekali gus meminimumkan ralat respons. Dari sudut etika penyelidikan, penerangan ringkas mengenai tujuan kajian diberikan terlebih dahulu, dan persetujuan termaklum (informed consent) diperoleh secara lisan daripada setiap responden sebelum borang soal selidik diedarkan.

Data yang diperoleh dikodkan dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan, dan skor min melalui perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Analisis deskriptif digunakan secara khusus kerana kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti taburan pola dan tahap amalan PdP berdasarkan persepsi semasa responden, bukannya untuk membuat inferens populasi yang lebih luas atau menguji hipotesis statistik. Bagi memperincikan analisis data secara mendalam, interpretasi skor min dibahagikan kepada tiga tahap utama berdasarkan rumus sela kelas bagi skala Likert tiga mata bersandarkan panduan oleh Landell (1997). Pembahagian sela kelas bagi penentuan tahap tersebut adalah seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Skema Interpretasi Skor Min Skala Likert Tiga Mata

Julat Skor Min	Interpretasi Tahap
1.00 hingga 1.66	Rendah
1.67 hingga 2.33	Sederhana
2.34 hingga 3.00	Tinggi

Memandangkan kajian ini tidak melibatkan ujian rintis (pilot test) atas kekangan saiz populasi mualaf yang terhad dan berselerak di lokasi lapangan, parameter kebolehpercayaan (reliability) dan keabsahan instrumen disandarkan sepenuhnya kepada penilaian kesahan kandungan oleh panel pakar yang telah dilantik sebelum ini. Walaupun pendekatan kuantitatif ini berupaya memberikan gambaran yang jelas dan berstruktur mengenai pola persepsi responden terhadap keperibadian guru, kajian ini tetap mempunyai keterbatasan yang tersendiri. Data yang diperoleh bergantung sepenuhnya kepada penilaian sendiri (self-reported perception) daripada responden dan tidak disokong oleh instrumen kualitatif seperti pemerhatian langsung terhadap amalan pengajaran guru dalam bilik darjah atau temu bual mendalam bersama para pelajar.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini mengemukakan dapatan kajian berdasarkan analisis data yang diperoleh daripada soal selidik melibatkan komuniti Orang Asli muslim di negeri Melaka. Penyampaian dapatan disusun secara sistematik dengan dimulakan oleh profil demografi responden, diikuti analisis terhadap persepsi mereka mengenai sikap dan keperibadian guru dalam pengajaran Fardu Ain. Huraian yang dikemukakan berasaskan analisis deskriptif bagi memberikan gambaran yang jelas tentang corak respons dan kecenderungan data yang diperoleh.

### 5.1 Demografi Responden

Kajian ini melibatkan seramai 132 orang responden daripada komuniti Orang Asli di Negeri Melaka sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Dari segi jantina, majoriti responden terdiri daripada perempuan iaitu 90 orang (68.2%), manakala lelaki berjumlah 42 orang (31.8%). Taburan umur responden menunjukkan penyertaan daripada pelbagai peringkat usia, dengan kumpulan umur 42 tahun ke atas merupakan kumpulan terbesar iaitu 39 orang (29.5%). Ini diikuti oleh responden berumur 18 hingga 23 tahun seramai 25 orang (18.9%) serta 24 hingga 29 tahun seramai 20 orang (15.2%), manakala kumpulan umur lain mencatatkan bilangan yang lebih kecil. Dari segi status perkahwinan, sebahagian besar responden telah berkahwin iaitu 84 orang (63.6%), diikuti bujang seramai 33 orang (25.0%). Taburan lokasi menunjukkan majoriti responden berasal dari daerah Alor Gajah (75.8%), manakala selebihnya dari daerah Jasin (24.2%). Berdasarkan perkampungan tempat tinggal, responden paling ramai berasal dari Kampung Bukit Payung (41.7%), diikuti beberapa perkampungan lain seperti Bukit Sebang dan Lubok Bandung. Dari segi suku kaum, hampir keseluruhan responden terdiri daripada suku Temuan (97.0%), manakala selebihnya daripada suku Temiar (3.0%). Dari aspek pekerjaan pula, majoriti responden bekerja sendiri (49.2%) atau merupakan suri rumah (39.4%), dengan sebilangan kecil bekerja dalam sektor swasta (6.1%) dan kerajaan (5.3%). Berdasarkan tempoh memeluk Islam, hampir separuh responden telah memeluk Islam lebih daripada 11 tahun (45.5%), manakala sebahagian lagi merupakan Muslim sejak lahir (19.7%). Dari segi penglibatan dalam kelas Fardu Ain, sebahagian besar responden melaporkan kehadiran antara satu hingga lima kali (40.9%), diikuti lebih

daripada sebelas kali (33.3%) dan enam hingga sepuluh kali (25.8%). Secara keseluruhannya, taburan ini menunjukkan bahawa responden kajian terdiri daripada latar belakang sosial dan pengalaman keagamaan yang pelbagai.

Jadual 2: Taburan Demografi

Item		Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	42	31.8
	Perempuan	90	68.2
Umur	12-17	17	12.9
	18-23	25	18.9
	24-29	20	15.2
	30-35	14	10.6
	36-41	17	12.9
	42>	39	29.5
Status perkahwinan	Bujang	33	25.0
	Berkahwin	84	63.6
	Janda	11	8.3
	Duda	4	3.0
Daerah	Alor Gajah	100	75.8
	Jasin	32	24.2
Perkampungan tempat tinggal	Bukit Payung	55	41.7
	Lubok Bandung	13	9.8
	Bukit Sebang	15	11.4
	Selok Terentang	4	3.0
	Pondok Batang	2	1.5
	Machap Umboo	9	6.8
	Bukit Besar	3	2.3
	Air Dusun	2	1.15
	Gapam Baru	4	1.5
	Kubang Badak	9	6.8
	Tebong Sesyen	4	3.0
	Bukit Seraya	10	7.6
	Hutan Percha	2	1.5
Suku kaum	Temuan	128	97.0
	Temiar	4	3.0
Pekerjaan	Kerajaan	7	5.3
	Swasta	8	6.1
	Kerja sendiri	65	49.2
	Suri rumah	52	39.4
Tempoh memeluk agama Islam	1-5	18	13.6
	6-10	28	21.2
	11 >	60	45.5
	Lahir Islam	26	19.7
Kekerapan hadir ke kelas fardu ain	1-5 kali	54	40.9
	6-10 kali	34	25.8
	11 kali >	44	33.3

## 5.2 Persepsi Pelajar Terhadap Sikap dan Keperibadian Guru

Analisis terhadap data soal selidik menunjukkan bahawa pelajar masyarakat Orang Asli di Negeri Melaka secara umumnya mempunyai persepsi yang positif terhadap sikap dan keperibadian guru dalam kelas pengajian Fardu Ain. Secara keseluruhan, skor min yang diperoleh berada pada tahap tinggi ( $M = 2.94$ ,  $SP = 0.24$ ), yang menggambarkan bahawa responden menilai guru mereka sebagai individu yang menunjukkan sikap profesional, komitmen terhadap pengajaran serta hubungan interpersonal yang baik sepanjang proses pembelajaran berlangsung.

Jadual 3: Persepsi Pelajar Terhadap Sikap dan Keperibadian Guru

Kod	Item	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
B1	Guru saya hadir mengikut waktu yang ditetapkan	1 (0.8%)	17 (12.9%)	114 (86.4%)	2.86	0.37	Tinggi
B2	Guru saya menjawab soalan yang saya tanya dengan baik	1 (0.8%)	8 (6.1%)	123 (93.2%)	2.92	0.29	Tinggi
B3	Guru saya menegur kesalahan saya dengan baik	1 (0.8%)	3 (2.3%)	128 (97.0%)	2.96	0.21	Tinggi
B4	Guru saya mengajar dengan bersungguh-sungguh walaupun saya lemah	1 (0.8%)	3 (2.3%)	128 (97.0%)	2.96	0.21	Tinggi
B5	Guru saya memberi tunjuk ajar fardu ain di dalam kelas	1 (0.8%)	5 (3.8%)	126 (95.5%)	2.95	0.24	Tinggi
B6	Guru saya seorang yang sabar, ceria dan mesra ketika mengajar	1 (0.8%)	1 (0.8%)	130 (98.5%)	2.98	0.14	Tinggi
Keseluruhan					2.94	0.24	Tinggi

Jadual 3 memaparkan taburan respons bagi enam item yang berkaitan dengan sikap dan keperibadian guru. Secara keseluruhannya, semua item mencatatkan nilai min yang tinggi, dengan julat antara 2.86 hingga 2.98. Item yang mencatatkan nilai min tertinggi ialah B6, iaitu pernyataan bahawa guru bersikap sabar, ceria dan mesra ketika mengajar ( $M = 2.98$ ,  $SP = 0.14$ ). Hampir keseluruhan responden, iaitu 98.5 peratus, menyatakan persetujuan terhadap pernyataan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa ciri interpersonal guru seperti kesabaran dan kemesraan merupakan aspek yang sangat dihargai oleh pelajar dalam proses pembelajaran Fardu Ain.

Selain itu, dua item lain turut mencatatkan nilai min yang tinggi, iaitu B3 yang berkaitan dengan cara guru menegur kesalahan pelajar dan B4 yang merujuk kepada kesungguhan guru mengajar walaupun pelajar menghadapi kesukaran dalam pembelajaran. Kedua-dua item ini mencatatkan nilai min yang sama ( $M = 2.96$ ,  $SP = 0.21$ ), dengan 97.0 peratus responden menyatakan persetujuan. Item B5 yang menilai peranan guru dalam memberikan tunjuk ajar Fardu Ain di dalam kelas turut mencatatkan nilai min yang tinggi ( $M = 2.95$ ,  $SP = 0.24$ ), dengan 95.5 peratus responden menyatakan persetujuan terhadap pernyataan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru dilihat sebagai sumber rujukan yang penting dalam membantu pelajar memahami kandungan pembelajaran agama.

Bagi item B2 yang menilai keupayaan guru menjawab soalan pelajar dengan baik, nilai min yang diperoleh ialah 2.92 ( $SP = 0.29$ ), dengan 93.2 peratus responden menyatakan persetujuan. Sementara itu, item B1 berkaitan kehadiran guru mengikut waktu yang ditetapkan mencatatkan nilai min paling rendah berbanding item lain ( $M = 2.86$ ,  $SP = 0.37$ ). Walaupun demikian, tahap interpretasinya masih berada dalam kategori tinggi dengan 86.4 peratus responden menyatakan persetujuan terhadap pernyataan tersebut.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar masyarakat Orang Asli menilai sikap dan keperibadian guru dalam pengajaran Fardu Ain secara positif. Nilai min yang tinggi bagi semua item menggambarkan bahawa guru dilihat sebagai individu yang komited, sabar serta mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyokong. Di samping itu, nilai sisihan piawai yang relatif kecil menunjukkan bahawa respons pelajar adalah agak konsisten, sekali gus

mencerminkan persepsi yang hampir seragam terhadap sikap dan keperibadian guru dalam kalangan responden yang terlibat dalam kajian ini.

## 6.0 PERBINCANGAN

Perbincangan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar masyarakat Orang Asli di Negeri Melaka secara umumnya menilai sikap dan keperibadian guru dalam kelas pengajian Fardu Ain secara positif. Penilaian ini merangkumi aspek kesabaran, kemesraan, kesungguhan dalam pengajaran serta kesediaan guru memberikan bimbingan kepada pelajar. Bagi penyelidik, dapatan ini memberi gambaran bahawa dalam konteks pendidikan agama dalam komuniti yang berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial dan pendidikan, hubungan interpersonal antara guru dan pelajar memainkan peranan yang amat penting. Pengajaran Fardu Ain dalam komuniti Orang Asli tidak hanya berkait dengan penyampaian ilmu agama semata-mata, tetapi juga melibatkan pembinaan kepercayaan, rasa selesa dan keyakinan pelajar terhadap proses pembelajaran. Dalam realiti pendidikan Orang Asli di Malaysia yang sering dikaitkan dengan kadar keciciran yang tinggi, akses pendidikan yang tidak seimbang serta ketidaksesuaian pendekatan pedagogi arus perdana (Alias et al., 2011; Abdullah et al., 2013; Renganathan, 2022), sikap guru yang positif dapat berfungsi sebagai faktor sokongan yang membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran (Amatan & Han, 2019; Lin & Yasin, 2021).

Dapatan ini juga seiring dengan penyelidikan terdahulu yang menekankan kepentingan hubungan guru-pelajar dalam mempengaruhi penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Roorda et al. (2011), melalui analisis meta, mendapati bahawa hubungan yang positif antara guru dan pelajar mempunyai kaitan yang signifikan dengan motivasi akademik dan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Begitu juga, Wentzel (2022) menegaskan bahawa pelajar yang melihat guru sebagai individu yang menyokong dan menghargai mereka lebih cenderung menunjukkan sikap positif terhadap pembelajaran. Dalam konteks komuniti Orang Asli, dimensi hubungan ini menjadi lebih penting kerana pelajar sering berada dalam persekitaran pendidikan yang tidak sepenuhnya mencerminkan pengalaman budaya dan kehidupan harian mereka (Renganathan, 2016). Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sikap dan keperibadian guru boleh bertindak sebagai jambatan yang menghubungkan pengalaman pembelajaran formal dengan realiti sosial komuniti tersebut.

Dari sudut penjelasan teori, dapatan ini dapat difahami melalui kerangka Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Bandura (1986). Teori ini menjelaskan bahawa pembelajaran berlaku melalui pemerhatian terhadap model sosial yang signifikan dalam persekitaran individu. Dalam bilik darjah, guru berfungsi sebagai model utama yang diperhatikan oleh pelajar. Apabila guru menunjukkan sikap seperti kesabaran, empati dan kesungguhan dalam pengajaran, pelajar bukan sahaja menerima pengetahuan tetapi juga membentuk sikap terhadap pembelajaran melalui proses pemerhatian tersebut. Proses ini melibatkan mekanisme kognitif seperti perhatian, penyimpanan maklumat, reproduksi tingkah laku dan motivasi. Kajian oleh Ulug, Ozden dan Eryilmaz (2011) turut menunjukkan bahawa sikap guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan personaliti dan motivasi pelajar. Begitu juga, Kim et al., (2018) serta Kalkan et al., (2022) mendapati bahawa ciri personaliti guru seperti kestabilan emosi dan keterbukaan menyumbang kepada pembentukan iklim bilik darjah yang positif, sekali gus meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran.

Dalam konteks pendidikan Islam, dapatan kajian ini turut memperlihatkan kepentingan konsep uswah hasanah, iaitu guru sebagai contoh teladan dalam pembentukan akhlak pelajar. Pendidikan Islam secara tradisinya tidak hanya menumpukan kepada penyampaian ilmu, tetapi juga kepada pembentukan sahsiah dan kesedaran spiritual pelajar. Halstead (2004) menjelaskan bahawa pendidikan Islam melibatkan proses pembentukan karakter melalui teladan yang ditunjukkan oleh guru, manakala Sahin (2018) menekankan bahawa pedagogi Islam yang berkesan perlu mengintegrasikan dimensi moral, spiritual dan sosial dalam pengajaran. Oleh itu, persepsi pelajar terhadap sikap sabar, mesra dan komited yang ditunjukkan oleh guru dalam kajian ini boleh ditafsirkan sebagai manifestasi peranan guru sebagai model akhlak dalam proses pembelajaran agama. Dapatan ini juga selari dengan kajian Ab. Halim dan Ajuhary (2010) serta Ab. Halim (2012) yang menunjukkan bahawa sikap penyayang dan kesungguhan guru pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membantu pelajar memahami dan menghayati nilai agama.

Selain itu, dapatan kajian ini juga boleh dilihat daripada perspektif pedagogi responsif budaya. Pendekatan ini menekankan bahawa pengajaran yang berkesan perlu mengambil kira latar belakang budaya, pengalaman hidup dan sistem pengetahuan komuniti pelajar. Ladson-Billings (1995) dan Gay (2018) menjelaskan bahawa pengajaran yang responsif terhadap budaya mampu meningkatkan penglibatan pelajar kerana kandungan pembelajaran menjadi lebih relevan dengan pengalaman mereka. Dalam konteks komuniti Orang Asli, kepekaan guru terhadap realiti kehidupan komuniti menjadi faktor penting dalam membina hubungan pedagogi yang bermakna. Kajian oleh Wahab et al. (2020) menunjukkan bahawa integrasi elemen budaya tempatan dalam pengajaran mampu meningkatkan minat pelajar Orang Asli terhadap pembelajaran. Begitu juga, Che Ismail dan Abdul Rahman (2025) menekankan bahawa kerjasama antara guru, komuniti dan keluarga memainkan peranan penting dalam menyokong keberkesanan pendidikan dalam komuniti tersebut. Berdasarkan dapatan kajian ini, persepsi positif pelajar terhadap sikap dan keperibadian guru mungkin mencerminkan usaha guru untuk membina pendekatan pengajaran yang lebih sensitif terhadap konteks sosial dan budaya komuniti.

Walau bagaimanapun, dapatan ini perlu ditafsirkan dengan berhati-hati. Persepsi positif pelajar terhadap guru tidak semestinya menunjukkan bahawa semua aspek pengajaran Fardu Ain telah dilaksanakan secara optimum. Dalam komuniti kecil seperti masyarakat Orang Asli, hubungan sosial yang rapat serta norma budaya yang menekankan penghormatan terhadap guru mungkin mempengaruhi cara pelajar menilai guru mereka. Selain itu, kajian ini hanya menilai persepsi pelajar melalui kaedah soal selidik tanpa melibatkan pemerhatian langsung terhadap amalan pengajaran guru. Oleh itu, kajian lanjutan yang melibatkan pendekatan yang lebih pelbagai seperti temu bual, pemerhatian bilik darjah dan penglibatan komuniti boleh memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang dinamika pengajaran Fardu Ain dalam komuniti Orang Asli.

Dari sudut sumbangan ilmiah, kajian ini memperlihatkan bagaimana Teori Pembelajaran Sosial boleh diaplikasikan dalam konteks pendidikan agama dalam komuniti pribumi. Dapatan ini membuktikan bahawa proses peniruan sosial dan internalisasi nilai dalam kalangan pelajar Orang Asli berjalan secara optimum apabila guru berperanan sebagai model sosial yang efektif. Hal ini terbukti menerusi item B6 yang mencatatkan skor min tertinggi ( $M = 2.98$ ), yang menunjukkan bahawa pelajar sangat responsif terhadap sikap guru yang sabar, ceria, dan mesra ketika mengajar. Kebergantungan kognitif yang tinggi terhadap ciri interpersonal ini memberi penegasan baharu kepada teori Bandura, di mana dalam ekosistem masyarakat

minoriti, dimensi emosi dan keselesaan psikologi mendahului pemindahan maklumat kognitif. Kajian ini juga secara empirikal menunjukkan bahawa keberkesanan pengajaran Fardu Ain tidak hanya bergantung kepada kekukuhan kandungan kurikulum semata-mata, tetapi turut dipengaruhi secara kritikal oleh interaksi sosial antara guru dan pelajar serta kesesuaian pendekatan pedagogi dengan konteks budaya komuniti. Dari sudut praktikal pula, dapatan kajian ini memberi isyarat bahawa pembangunan program pendidikan Fardu Ain dalam komuniti Orang Asli perlu memberi perhatian yang serius kepada pembangunan profesional guru, khususnya dalam aspek kemahiran interpersonal dan kepekaan budaya. Guru yang terlibat dalam pengajaran dalam komuniti ini perlu mempunyai keupayaan untuk membina hubungan yang positif dengan pelajar serta memahami latar kehidupan komuniti setempat. Secara lebih mendalam, perhatian khusus harus diberikan kepada aspek pengurusan logistik dan ketepatan masa, memandangkan item B1 ("Guru hadir mengikut waktu yang ditetapkan") mencatatkan skor min paling rendah ( $M = 2.86$ ) berbanding item-item lain. Walaupun nilai min tersebut masih berada pada interpretasi tahap tinggi, ruang kelompangan ini memberi petunjuk bahawa faktor geografi, kekangan perhubungan, atau mobiliti luar bandar perkampungan Orang Asli di daerah Alor Gajah dan Jasin berkemungkinan menjadi cabaran kepada komitmen masa para guru (PMOA). Justeru, agensi pelaksana seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dicadangkan untuk menilai semula sokongan logistik dan fasiliti perjalanan guru penggerak bagi memastikan kelancaran takwim pengajian.

Pada masa yang sama, kerjasama berbentuk kolaboratif antara guru, institusi agama, organisasi komuniti, dan institusi kekeluargaan juga perlu diperkukuhkan bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong perkembangan spiritual dan sosial pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sikap dan keperibadian guru merupakan elemen penting yang mempengaruhi pengalaman pembelajaran Fardu Ain dalam kalangan pelajar Orang Asli, dan faktor ini perlu diberi perhatian dalam usaha memperkukuh pendidikan agama dalam komuniti tersebut.

## 7.0 KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar masyarakat Orang Asli di Negeri Melaka secara umumnya mempunyai persepsi yang positif terhadap sikap dan keperibadian guru dalam kelas pengajian Fardu Ain. Dapatan ini memperlihatkan bahawa ciri-ciri guru seperti kesabaran, kemesraan, kesungguhan dalam pengajaran serta kesediaan memberi bimbingan kepada pelajar merupakan antara faktor yang menyokong pengalaman pembelajaran agama dalam kalangan pelajar Orang Asli. Dalam konteks komuniti yang mempunyai latar sosio-budaya yang tersendiri serta berhadapan dengan pelbagai cabaran pendidikan, sikap dan pendekatan guru didapati memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih selesa dan menyokong penglibatan pelajar. Penemuan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa keberkesanan pendidikan Fardu Ain tidak hanya bergantung kepada kandungan kurikulum semata-mata, tetapi juga kepada keupayaan guru membina hubungan yang positif dengan pelajar serta menyesuaikan pendekatan pengajaran dengan realiti komuniti setempat. Dari sudut akademik, kajian ini memberikan gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana ciri interpersonal guru boleh mempengaruhi pengalaman pembelajaran agama dalam konteks komuniti pribumi, di samping memperkukuhkan perbincangan mengenai

kepentingan pendekatan pedagogi yang sensitif terhadap budaya dalam pendidikan Islam kontemporari.

Walau bagaimanapun, beberapa batasan kajian perlu diambil kira dalam menafsirkan dapatan ini. Kajian ini hanya melibatkan sampel pelajar masyarakat Orang Asli di Negeri Melaka, justeru dapatan yang diperoleh mungkin berbeza sekiranya kajian dijalankan dalam komuniti Orang Asli di negeri lain yang mempunyai latar sosial dan pengalaman pendidikan yang berbeza. Selain itu, kajian ini menilai persepsi pelajar melalui kaedah soal selidik tanpa melibatkan pemerhatian langsung terhadap amalan pengajaran guru dalam kelas. Oleh itu, kajian lanjutan yang melibatkan pendekatan yang lebih pelbagai seperti pemerhatian bilik darjah, temu bual dengan guru serta penglibatan komuniti setempat boleh memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai dinamika pengajaran Fardu Ain dalam komuniti Orang Asli. Penyelidikan pada masa hadapan juga boleh meneroka aspek lain seperti pendekatan pedagogi yang lebih responsif terhadap budaya, penggunaan teknologi dalam pendidikan agama serta peranan komuniti dalam menyokong proses pembelajaran pelajar Orang Asli.

## 8.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang kepentingan konflik dalam penulisan artikel ini.

## 9.0 PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Bahagian Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atas peluang dan kerjasama dalam menjalankan penyelidikan yang berkaitan.

## 10.0 SUMBANGAN PENULIS

Konseptualisasi: Zulkefli Aini dan Muhammad Yusuf Marlon; Metodologi: Abdul Ghafar Don; Analisis Formal: Zulkefli Aini dan Abdul Ghafar Don; Penulisan – Draf Asal: Muhammad Yusuf Marlon; Penulisan – Semakan dan Penyuntingan: Zulkefli Aini dan Abdul Ghafar Don. Zulkefli Aini menyelaras pasukan penyelidikan dan penulisan, menguruskan semua urusan surat-menyurat dengan pihak jurnal, serta mengetuai proses semakan semula manuskrip susulan daripada ulasan penilai (peer review). Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip ini.

## 11.0 RUJUKAN

- Ab. Halim, T. (2012). Teaching Islamic education in Malaysian schools: Issues and challenges. *International Journal of Islamic Thought*, 1, 26–32.
- Ab. Halim, T., & Ajuhary, M. K. (2010). Amalan pengajaran guru pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43–56.
- Ab. Halim, T., & Lubis, M. A. (2009). Amalan pengajaran guru pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1–16.
- Ab Manaf, N., Abdullah, R., Omar, K., Abdul Halim, M. A. S., Amat Simin, M. H., & Hashim, S. S. (2019). Local community partnership in social development

- program: National community case study in Terengganu. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 7(6S5), 1541–1546.
- Ab Manaf, N., Omar, K., Md Razaili, M. K. A., Abdullah, R., Saputra, J., & Azzahra Kamaruddin, S. N. A. (2021). The role of agencies in implementing the social development programs to improve the well-being of Orang Asli communities in Terengganu, Malaysia. In *Proceedings of the 11th Annual International Conference on Industrial Engineering and Operations Management* (pp. 3361–3369). IEOM Society. (Virtual Conference).
- Abd Jalil, A. H., Abdullah, A. H., & Wani Wan Fakhruddin, W. F. (2024). STEM education and mathematics performance among Orang Asli primary school students in Johor, Malaysia: Challenges and recommendations. In *Proceedings of the Frontiers in Education Conference* (FIE). <https://doi.org/10.1109/FIE61694.2024.10893311>
- Abdul Ghafar, D. (2025). *Dakwah masyarakat Orang Asli di Malaysia*. UKM Press.
- Abdullah, J. (2018). Resettlement of Orang Asli (Aborigines) in Malaysia—Marginalization or demarginalization of an ethnic group. In G. B. Singh (Ed.), *Perspectives on geographical marginality* (Vol. 3, pp. 145–155). Springer. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-59002-8\\_10](https://doi.org/10.1007/978-3-319-59002-8_10)
- Abdullah, M. A., Ahmad, B. E., & Ismail, M. R. (2023). Indigenous sustainable education modelling: The role of chaperones in Batek children's education in Malaysia. *International Review of Education*, 69(6), 875–901. <https://doi.org/10.1007/s11159-023-10035-9>
- Abdullah, M. T., Bartholomew, C. V., & Mohammad, A. (2021). Resource use and sustainability of Orang Asli: Indigenous communities in Peninsular Malaysia. Springer.
- Abdullah, R., Samah, B. A., & Othman, J. (2013). Educational participation among Orang Asli children in Malaysia. *Asian Social Science*, 9(12), 268–276. <https://doi.org/10.5539/ass.v9n12p268>
- Ahmad Fauzi, S., Muhammad, Y. M. A., Mohd, H. A., Ahmad, A. M., & Zulkefli, A. (2017). Faktor tarikan masyarakat Orang Asli memeluk Islam di Selangor. In *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD 2017)*.
- Ahmad Nawawi, Y., Nurulzulaiha, S., Siti Nur-Ila, M. K., Nurul Badriyah, A., Mohamad Zaim, I., & Mazlynda, M. Y. (2023). Kefahaman amalan solat dalam kalangan komuniti Orang Asli Jakun. *Insight Journal*, 11(2), 315–320. <https://doi.org/10.24191/ij.v11i2.3508>
- Aini, Z., Don, A. G., Puteh, A., & Nor Sad, N. D. H. (2019). Amalan komunikasi dakwah semasa kelas Fardu Ain Orang Asli Muslim di Selangor. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 34–47. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.417004>
- Ajzen, I. (2005). *Attitudes, personality and behavior* (2nd ed.). Open University Press.
- Alias, N., Mohd Noor, N., & Hassan, R. (2011). Education development among Orang Asli communities in Malaysia. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 18, 242–249. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.05.034>
- Amatan, M. A. & Han, C. G. K. (2019). Pengaruh Persekitaran Psikososial Sekolah dan Efikasi Kendiri Guru Terhadap Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, Counseling*, 4 (32), 284-314. DOI: 10.35631/IJEP.4320026
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Prentice-Hall.
- Battiste, M. (2002). Indigenous knowledge and pedagogy in First Nations education: A literature review with recommendations. *Indian and Northern Affairs Canada*.

- Bennett, S., & Harrington, I. (2025). A study on the implementation challenges of the Jahai Jeli project to promote educational equity in the Orang Asli of Peninsular Malaysia. *Diaspora, Indigenous, and Minority Education*. <https://doi.org/10.1080/15595692.2025.2535336>
- Borham, A. H., Huda, M., Rasid, M. S. A., Rahim, M. M. A., & Hamid, N. Z. A. (2024). Teaching approach for indigenous people: An empirical study from Pahang, Malaysia. *Journal of Education and Learning*, 18(3), 773–782. <https://doi.org/10.11591/edulearn.v18i3.21096>
- Burgess, C. M., & Evans, J. R. (2019). Culturally responsive relationships focused pedagogies: The key to quality teaching and creating quality learning environments. In *Indigenous studies: Breakthroughs in research and practice* (pp. 127–157). IGI Global.
- Castagno, A. E., & Brayboy, B. M. J. (2008). Culturally responsive schooling for Indigenous youth: A review of the literature. *Review of Educational Research*, 78(4), 941–993. <https://doi.org/10.3102/0034654308323036>
- Che Ismail, N., & Abdul Rahman, M. N. (2025). Challenges faced by teachers in teaching literacy to Orang Asli students from Temuan ethnic group: A case study. In *Studies in Systems, Decision and Control* (Vol. 607, pp. 487–497). Springer.
- Chin, K. W. J., Oakley, G., & Shand, J. (2026). The use of Orang Asli mother tongue in community-based education in Malaysia. *Diaspora, Indigenous, and Minority Education*, 1–13. <https://doi.org/10.1080/15595692.2026.2621655>
- Cook, B., Corporal, S., & Mengersen, K. (2025). Practical guidelines for Indigenous research: Lessons from a case study exploring data literacy in our local Aboriginal and Torres Strait Islander community. *AlterNative*.
- Darling-Hammond, L. (2017). *Empowered educators: How high-performing systems shape teaching quality around the world*. Jossey-Bass.
- Gay, G. (2018). *Culturally responsive teaching: Theory, research, and practice* (3rd ed.). Teachers College Press.
- Halstead, J. M. (2004). An Islamic concept of education. *Comparative Education*, 40(4), 517–529. <https://doi.org/10.1080/0305006042000284510>
- Harun, N.H., Rahman, M.N., Mansor, M.A., & Muhamad, N.A. (2020). Pengurusan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Kreativiti Orang Asli Dalam Meningkatkan Kecerdasan Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(1), 2289-9669.
- Hattie, J. (2009). *Visible learning: A synthesis of over 800 meta-analyses relating to achievement*. Routledge.
- Hill, R., & May, S. (2013). Non-indigenous researchers in indigenous language education: Ethical implications. *International Journal of the Sociology of Language*, 219, 47–65.
- Juma, P., & Rutsate, J. (2024). African indigenous pedagogies as key to academic freedom. In A. A. Editor & B. B. Editor (Eds.), *Academic freedom in Africa: The struggle rages on* (pp. 138–154). Taylor & Francis. <https://doi.org/10.4324/9781003516248-11>
- Juma'at, M. (2017). *Orang Seletar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jusof, N. & Samaeng, A. (2025). Educational Psychology in Islamic Preaching. *MENARA: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 161–177.
- Kalkan, Ü., Atasoy, R., & Karadağ, M. (2022). DKAB ve İHL Meslek Dersleri Öğretmenlerinin İletişim Becerilerinin Öğrenci Tutumlarına Etkisi [The impact of communication skills of Religious Culture and Ethics (DKAB) and Imam Hatip

- High School vocational course teachers on students' attitudes]. *Mütefekkîr*, 9(17), 149–176. <https://doi.org/10.30523/mutefekkir.1128644>
- Kim, L. E., Dar-Nimrod, I., & MacCann, C. (2018). Teacher personality and teacher effectiveness in secondary school: Personality predicts teacher support and student self-efficacy but not academic achievement. *Journal of Educational Psychology*, 110(3), 309–323. <https://doi.org/10.1037/edu0000217>
- Klassen, R. M., & Tze, V. M. C. (2014). Teachers' self-efficacy, personality, and teaching effectiveness: A meta-analysis. *Educational Research Review*, 12, 59–76.
- Ladson-Billings, G. (1995). Toward a theory of culturally relevant pedagogy. *American Educational Research Journal*, 32(3), 465–491.
- Landell, K. (1997). *Management in industry*. Prentice Hall.
- Lavy, S., & Naama-Ghanayim, E. (2020). Why care about caring? Linking teachers' caring and sense of meaning at work with students' self-esteem, well-being, and school engagement. *Teaching and Teacher Education*, 91, 103046.
- Lin, P. S., & Yasin, M. H. M. (2021). Pengetahuan dan sikap guru aliran perdana terhadap program pendidikan inklusif di daerah Sibuluan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 515-529.
- Liu, W., Li, Y., & Zhang, L. (2022). Teacher–student relationships and student engagement: The mediating role of academic motivation. *Educational Psychology*, 42(9), 1172–1188.
- Mohamad Safwat, A. M. S., Airil Haimi, M. A., Dianna Suzieanna, M. S., Mohd Haniff, M. T., & Ahmad Muhyiddin, Yusof. (2020). The Orang Asli in Malaysian formal education: Teachers' sentiments and observations. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 5(1), 57–64. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v5i1.4819>
- Mohd Shokori, Z. (10 Mei 2025). Temu bual peribadi [Temu bual tidak diterbitkan].
- Mulenga, E. M., Folokwe, K., & Spangenberg, E. D. (2025). Revitalizing geometry education: The role of indigenous pedagogies in Kalomo District's secondary schools. *Journal on Mathematics Education*, 16(3), 889–914. <https://doi.org/10.22342/jme.v16i3.pp889-914>
- Nicholas, C. (2006). The Orang Asli and the contest for resources: Indigenous politics, development and identity in Peninsular Malaysia. *International Work Group for Indigenous Affairs*.
- Niure, D. P., Upadhyaya, I. R., Paudel, M., & Poudel, P. P. (2026). Embedding indigeneity in formal schooling: A case of Tharu teachers' indigenous pedagogy in Nepal. *Diaspora, Indigenous, and Minority Education*, 20(1), 133–146. <https://doi.org/10.1080/15595692.2024.2365151>
- Ong, E.-T., Ibrahim, M. H., Wahab, N. A., Salleh, S. M., Singh, C. K. S., & Borhan, M. T. (2018). Contributing factors for academic success in this globalised era: Voices from the successful Orang Asli in Malaysia. *Journal of Social Sciences Research*, 4(12), 625–632.
- Pajares, M. F. (1992). Teachers' beliefs and educational research: Cleaning up a messy construct. *Review of Educational Research*, 62(3), 307–332.
- Patel, T. E., Mkhwebane, L. N., & Mavuru, L. (2026). Teachers' perceptions and experiences of integrating Islamic Indigenous Knowledge in life sciences teaching and learning. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 25(1), 477–495. <https://doi.org/10.26803/ijlter.25.1.23>
- Rahman, M. N. A., DeWitt, D., Norlidah, A., & Idris, M. R. (2021). Home based education programme for Orang Asli children: An analysis of their educational needs. *Perspektiv Nauki i Obrazovania*, 49(1), 329–337.
- Renganathan, S. (2016). Literacy and development for the Orang Asli in Malaysia: What matters? *Prospects*, 46(3–4), 479–490.

- Renganathan, S. (2022). Research concerning the Indigenous Orang Asli and education: A review of problem representations. *Diaspora, Indigenous, and Minority Education*, 16(3), 200–211.
- Roorda, D. L., Koomen, H. M. Y., Spilt, J. L., & Oort, F. J. (2011). The influence of affective teacher–student relationships on students' school engagement and achievement: A meta-analytic approach. *Review of Educational Research*, 81(4), 493–529.
- Rosnon, M. R., & Talib, M. A. (2019). Indigenous Education Rights: The Malaysian Case. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(10), 149–167. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i10/6470>
- Sahin, A. (2018). *New directions in Islamic education: Pedagogy and identity formation*. Kube Publishing.
- Salleh, N. M., Abdullah, A. G. K., & Ismail, M. (2021). Innovative pedagogical approaches in Islamic education: Enhancing students' engagement in religious learning. *International Journal of Instruction*, 14(3), 1021–1036.
- Shahrul, A. S. A. & Abdul, H. M. (2024). Cabaran dan Keperluan dalam Memperkasakan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Orang Asli. *International Journal of Future Education and Advances (IJFEA)*, 1(1), 239–247.
- Siti Raudah, A. K., Norhapizah, M. B., & Huzaimah, I. (2024). The principles of heutagogy as a medium towards lifelong learning in Orang Asli Islamic education. *Journal of Contemporary Social Science and Education Studies*, 1(2), 185–201.
- Sobariah, A. B., & Rashidi, A. (2021). Program pembangunan tamadun masyarakat Orang Asli (PETAMA): Satu analisis. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 6(S2), 37–41. [https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i\(S2\).6248](https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i(S2).6248)
- Subramaniam, T. (2012). The education of Orang Asli children in Malaysia: Issues and challenges. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(2), 1–12.
- Tariq, M. U. (2025). Revitalizing pedagogy: Integrating indigenous knowledge and practices into higher education disciplines. In *Indigenous teaching disciplines and perspectives for higher education* (pp. 379–400). IGI Global. <https://doi.org/10.4018/979-8-3693-9296-6.ch018>
- Ulug, M., Ozden, M. S., & Eryilmaz, A. (2011). The effects of teachers' attitudes on students' personality and performance. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 30, 738–742.
- Wahab, N. A., Goh, P. S.-C., Ong, E.-T., Ibrahim, M. H., & Affandi, H. M. (2020). Construction of the forest school framework based on indigenous knowledge in Malaysia. *Cakrawala Pendidikan*, 39(2), 269–278.
- Wan Nor Hana, W. I., Intan Farhana, S., Ahzilah, W., & Ahmad Sharifuddin, M. (2024). Amalan beragama Orang Asli Muslim di Semenanjung Malaysia: Analisis bibliometrik. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 5(1), 72–79.
- Wentzel, K. R. (1997). Student motivation in middle school: The role of perceived pedagogical caring. *Journal of Educational Psychology*, 89(3), 411–419.
- Wentzel, K. R. (2022). Teacher–student relationships and motivation in school. *Educational Psychologist*, 57(2), 99–112.
- Wubbels, T., Brekelmans, M., Mainhard, T., Den Brok, P., & Van Tartwijk, J. (2016). Teacher–student relationships and student achievement. In *Handbook of social influences in school contexts* (pp. 127–142). Routledge.
- Yu, W., Ward, O. F., Paquette, B., Mrug, S., & Richter, C. G. (2025). Teacher personality predicts emotional well-being and academic achievement in students with specific learning disorders. *Children*, 12(6).